

Cuti bersalin 90 hari kekal: TPM

Kerajaan jamin
beri ruang
perbincangan
dengan majikan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sejarah usaha memberi lebih banyak ruang kepada wanita mendampingi anak baru dilahirkan, kerajaan kekal dengan keputusan memanjangkan tempoh cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari, berkuat kuasa 2021.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail memberi jaminan membuka ruang perbincangan bersama pihak berkepentingan, terutama majikan.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengakui menerima pelbagai

bantahan dalam kalangan majikan berhubung langkah itu, namun sedia meneliti permasalahan dibangkitkan.

"Biasalah, apabila keluaran rancangan baharu pasti ada kebaikan dan keburukannya. Ada yang suka, ada kata ada masalah.

"Majikan memang kata ada masalah jika 90 hari pekerja tak datang (bekerja) kerana ia akan mewujudkan suasana 'kehilangan'

"Biasalah, apabila keluaran rancangan baharu pasti ada kebaikan dan keburukannya. Ada yang suka, ada kata ada masalah."

Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri

bagi majikan," katanya kepada media di lobi Parlimen, semalam.

Dalam pembentangan Belanja-wan 2020 minggu lalu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, memaklumkan akan meneliti semula Akta Kerja 1955 membabitkan empat perkara termasuk tempoh cuti bersalin dipanjangkan daripada 60 hari kepada 90 hari mulai 2021.

Ia disusuli kenyataan Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran dalam reaksi segeranya, mengingatkan majikan swasta yang enggan melaksanakan ketetapan itu bakal berdepan tindakan.

Dr Wan Azizah menegaskan, lanjutan cuti itu akan membolehkan ibu mempunyai lebih masa bersama bayi baru dilahirkan.

"Kita mahu ibu dan anak sentiasa bersama, mahu yang terbaik untuk generasi akan datang.

"Kadang-kadang lebih baik menghabiskan masa lama dengan bayi, namun pada masa sama kita akan fikirkan mengenai majikan terutama sama ada operasi terjejas atau sebaliknya," katanya.



Dr Wan Azizah bersama Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin tiba di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto Syarafiq Abd Samad/bh)